

0208

U 8962 DEB
MAHATHIR - PENERANGAN R R R

KUALA LUMPUR, 30 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI MAHATHIR MOHAMAD BERKATA RAKYAT PERLU DIBERI PENERANGAN YANG SEJELAS-JELASNYA MENGENAI PERKEMBANGAN POLITIK YANG BERLAKU SEKARANG.

INI KERANA TERLALU BANYAK KENYATAAN YANG MENGELIRUKAN DIBUAT OLEH PIHAK-PIHAK TERTENTU, KATANYA DALAM SIDANG AKHBAR SELEPAS MENGADAKAN PERTEMUAN DENGAN PEGAWAI JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN PENERANGAN DI SINI PETANG INI.

BELIAU, YANG JUGA PRESIDEN UMNO (BARU), BERKATA GAMBARAN SEBENAR PERLU DIBERIKAN KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI BERKENAAN SUPAYA MASING-MASING MENGETAHUI APA YANG SEBENARNYA BERLAKU DAN TERPULANGLAH KEPADA MEREKA UNTUK MENJALANKAN TUGAS DENGAN BERKESAN.

MENGENAI KENYATAAN-KENYATAAN YANG MENGELIRUKAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +APA YANG BERLAKU SEKARANG, ADA PIHAK BERKATA UMNO LAMA PENGSAH SAHAJA DAN ADA PULA YANG MENDAKWA KONONNYA JIKA ANGGOTA UMNO LAMA MENJADI ANGGOTA UMNO (BARU) MEREKA AKAN KEHILANGAN \$7,000 SEORANG IAITU BAHAGIAN MEREKA DARIPADA HARTA YANG KONONNYA DIMILIKI UMNO LAMA.+

SEBENARNYA, KATA BELIAU, IBU PEJABAT UMNO TERHUTANG SEBANYAK \$300 JUTA DAN JIKA BEKAS ANGGOTA-ANGGOTA MENGHARAPKAN UNTUK MENDAPATKAN BAHAGIAN MEREKA DARIPADA HARTA PARTI ITU, MEREKA BUKAN SAHAJA TIDAK AKAN MENDAPAT SATU SEN PUN, MALAH SEBALIKNYA MEREKA MUNGKIN TERPAKSA MEMBAYAR HUTANG YANG DITANGGUNGINYA. -- LAGI.

2242MST 30 04 88

0214

U 8965 DEB
MAHATHIR - PENERANGAN 2 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA PERBEZAAN PADA KEPUTUSAN LISAN DAN KEPUTUSAN BERTULIS MAHKAMAH TINGGI KUALA LUMPUR (MENGENAI KES SAMAN 11 ORANG ANGGOTA UMNO TERHADAP PARTI ITU) BARU-BARU INI, MERUPAKAN SATU FENOMENA BARU YANG TIDAK BERLAKU SEBELUM INI.

BELIAU BERKATA: +KITA BERPEGANG KEPADA APA YANG DIKATAKAN PADA KALI PERTAMA. DAN MENGIKUT KEPUTUSAN LISAN YANG DIKELUARKAN, KITA TELAH MENGAMBIL TINDAKAN TETAPI NAMPAKNYA, SEOLAH-OLAH ADA PENDAPAT KEDUA OLEH PIHAK HAKIM BERKENAAN.+

+INI AGAK GANJILLAH, KALAU MACAM INI SUSAH NAK PEGANG KEPADA SESUATU KEPUTUSAN MAHKAMAH, KITA TAK TAHU SAMA ADA SESUATU KEPUTUSAN BOLEH DIPERCAYAI ATAU AKAN DITUKAR KEMUDIAN,+ KATANYA.

+KITA SEDANG MENKKAJI TENTANG IMPLIKASI PERBEZAAN PANDANGAN ITU MELALUI PEGUAM-PEGUAM YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN,+ KATA BELIAU.

MENGENAI PEPECAHAN DALAM UMNO, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TELAH MENINGATKAN TENTANG PERKARA ITU SEJAK AWAL-AWAL LAGI SEBELUM PEMILIHAN UMNO PADA 24 APRIL TAHUN LEPAS DAN SEKARANG NYATALAH PERPECAHAN SUDAH BERLAKU. -- LAGI.

2304MST 30 04 88

D218

U B967 DEB
MAHATHIR - PENERANGAN 3 KUALA LUMPUR R R R

KATANYA, SATU PIHAK MENGIKUT SATU KUMPULAN MANAKALA SATU PIHAK LAGI MENGIKUTI PEMIMPIN YANG DIPILIH OLEH ANGGOTA PARTI DAN DALAM PADA ITU PULA USAHA UNTUK MEMECAHBELAHKAN UMNO MASIH DITERUSKAN OLEH PIHAK-PIHAK TERTENTU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA BELIAU TIDAK BIMBANG KERANA MAJORITI ANGGOTA UMNO MENYOKONG TINDAKANNYA MENUBUHKAN UMNO BARU.

BAGAIMANAPUN KATANYA, UMNO MUNGKIN KALAH DI KAWASAN-KAWASAN YANG DIMENANGINYA DAHULU DENGAN MAJORITI YANG TIPIS, AKIBAT PERPECAHAN YANG DISEBABKAN OLEH TINDAKAN KUMPULAN ITU.

TINDAKAN KUMPULAN ITU SEOLAH-OLAH INGINKAN UMNO KALAH DAN MEMBERIKAN KEMENANGAN KEPADA PAS, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU TETAP MENJADI PRESIDEN UMNO WALAUPUN HASIL KUPUTUSAN PERHIMPUNAN AGUNG 1984 DIAMBILKIRA KERANA PADA MASA ITU BELIAU JUGA DIPILIH SEBAGAI PRESIDEN PARTI. -- LAGI.

2332MST 30 04 88

D221

U B969 DEB
MAHATHIR - PENERANGAN 4 KUALA LUMPUR R R R

SEMASA DITANYA MENGENAI ANGGOTA PARLIMEN YANG INGIN MENJADI ANGGOTA BEBAS, PERDANA MENTERI BERPENDAPAT BAHAWA ORANG YANG TERBABIT TIDAK LAGI MENJADI ANGGOTA UMNO.

KATANYA= +PADA SUATU MASA DAHULU SEMUANYA TELAH MENANDATANGANI PERJANJIAN BAHAWA MEREKA TIDAK AKAN MELOMPAT KE PARTI LAIN, NAMPAKNYA KINI PERJANJIAN YANG DIBUAT ITU TIDAK BOLEH DIPEGANG LAGI.+

KIRA-KIRA 1,500 PEGAWAI MENGHADIRI MAJLIS TAKILIMAT KIRA-KIRA TIGA JAM ITU TERMASUK TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA, MENTERI PENERANGAN DATUK MOHAMED RAHMAT SERTA BEBERAPA MENTERI, TIMBALAN MENTERI DAN SETIAUSAHA PARLIMEN.

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN ISTERI DATIN SERI DR SITI HASMAH KEMUDIAN BERBUKA PUASA DAN MENUNAIKAN SEMBAHYANG MAGHRIB BERSAMA HADIRIN DI SURAU BANGUNAN UMNO. BELIAU KEMUDIANNYA MELAWAT ASTAKA UJIAN TILAWATUL QURAN ANTARABANGSA DI DEWAN MERDEKA. -- BERNAMA.

2345MST 30 04 88